

D668

B B218 DEB  
MAHATHIR - PDRM RRR

KUALA LUMPUR, 24 MAC (BERNAMA) -- PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM) AKAN MENJADI SEBUAH PASUKAN YANG MEMPUNYAI TAHAP PROFESIONALISME YANG TINGGI DAN MAMPU MENGATASI SETIAP CABARAN DENGAN CEKAP DENGAN PENINGKATAN MUTU DISIPLIN DAN KESUNGGUHAN SEGENAP PERINGKAT ANGGOTANYA; KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI DALAM PERUTUSAN SEMPENA PERAYAAN HARI POLIS KE-180 ESOK, BERKATA TEMA HARI POLIS TAHUN INI +BERSEDIA BERKHIDMAT SECARA PROFESIONAL+ MEMPERLIHATKAN KEAZAMAN PDRM UNTUK MEMPERTINGKATKAN KECEKAPAN DALAM SEMUA ASPEK TUGAS MEREKA.

BELIAU YANG JUGA MENTERI DALAM NEGERI BERHARAP USIA KE-180 PASUKAN POLIS ITU AKAN MENDORONG SETIAP LAPISAN PEGAWAI DAN ANGGOTANYA UNTUK BERKHIDMAT DENGAN LEBIH DEDIKASI DAN BERHEMAM TINGGI SUPAYA CIRI-CIRI TERSEBUT AKAN MENDORONG MASYARAKAT UMUM UNTUK MENINGKATKAN KERJASAMA DENGAN PASUKAN POLIS.

+INI SANGAT PERLU KERANA PERSEFAHAMAN YANG ERAT ANTARA ANGGOTA POLIS DENGAN ORANG RAMAI PASTI DAPAT MEMADUKAN KETAHANAN NASIONAL DAN MENJADI BENTENG YANG KUKUH DAN MAMPU MENGHADAPI SEBARANG ANCAMAN+, KATANYA.

KATANYA, PDRM TELAH MENEMPUH PELBAGAI CABARAN DAN DUGAAN DALAM MENGUATKUASAKAN UNDANG-UNDANG, MEMELIHARA KEAMANAN DAN MENJAGA KEHARMONIAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT. -- LAGI.

1856MST 24 03 87

D669

B B219 DEB  
MAHATHIR - PDRM 2 KUALA LUMPUR RRR

SUMBANGAN BESAR MEREKA SEHINGGA SANGGUP BERKORBAN DAN MENGGADAI NYAWA TELAH MENJADIKAN MALAYSIA ANTARA NEGARA YANG PALING STABIL DAN AMAN DI DUNIA, KATANYA.

SEMENTARA ITU KETUA POLIS NEGARA TAN SRI HANIFF OMAR DALAM PERUTUSANNYA PULA BERKATA PASUKAN POLIS MEMERLUKAN KEPAKARAN DAN KEMAHIRAN DALAM SETIAP BIDANG TUGAS YANG DIJALANKAN KERANA PERANAN MEREKA KIAN BERAT DAN MENCABAR DALAM KEADAAN MASYARAKAT YANG MEMBANGUN SEKARANG.

KATANYA, SISTEM PENGURUSAN DAN STRATEGI LATIHAN PDRM SEKARANG AKAN LEBIH MEMBERI PENEKANAN KEPADA PEMBENTUKAN PEGAWAI DAN ANGGOTA POLIS YANG LEBIH MAHIR, CEKAP DAN MAMPU BERTINDAK SECARA PROFESIONAL.

MENURUTNYA, TEMA +BERSEDIA BERKHIDMAT SECARA PROFESIONAL+ ITU MERUPAKAN SATU MANIFESTASI KEAZAMAN SELURUH PEGAWAI DAN ANGGOTA PDRM UNTUK MENINGKATKAN MUTU PERKHIDMATAN DENGAN KAEDAH-KAEDAH YANG LEBIH PROFESIONAL.

BELIAU MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA LAPISAN MASYARAKAT, ANGKATAN TENTERA, JABATAN-JABATAN, AGENSI-AGENSI KERAJAAN DAN PIHAK MEDIA MASSA YANG TELAH MEMBERIKAN KERJASAMA, SOKONGAN DAN PERTOLONGAN KEPADA PIHAK POLIS.

PDRM JUGA, KATANYA, BERAZAM TERUS MENEGAKKAN KEDAULATAN UNDANG-UNDANG DAN MENGEKALKAN KEAMANAN DENGAN ETIKA YANG SELARAS DENGAN RUKUNEGARA. -- BERNAMA.

1858MST 24 03 87